

PM saksi sendiri

UM 23 JUL 2003

Daripada AINOL AMRIZ ISMAIL

LONDON – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan mengikut setiap 66,000 kuakan (rekod CSPP) yang bakal dilakukan oleh perenang maraton negara, Abdul Malik Mydin semasa dia merentasi Selat Inggeris dari Dover ke Calais, Jumaat ini.

Pesanan bersemangat itu disampaikan oleh beliau kepada Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein untuk dimaklumkan kepada perenang itu pada sidang media, khas di pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di sini, semalam.

Kata Hishammuddin, mesej Perdana Menteri ialah: "Malaysia boleh dan saya yakin Malik boleh. Kami berdoa supaya Malek berjaya."

Secara peribadi, Hishammuddin berkata, beliau juga kagum dengan komitmen yang ditunjukkan oleh anak muda Malaysia ini, terutama dalam menyahut cabaran di selat sejauh 32.8 kilometer itu.

"Inilah contoh anak muda yang perlu diketengahkan pada masa hadapan dan bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia keseluruhannya, kami mendoakan agar usaha Abdul Malik ini akan berjaya," ujarinya.

Menurutnya, cabaran merentasi selat ini bukanlah tugas yang mudah lebih-lebih lagi terpaksa berhadapan laluan yang sibuk, cuaca sejuk serta gelombang yang kuat.

"Pengorbanan yang ditunjukkan oleh Abdul Malik ini membuktikan bangsa Malaysia dapat melakukan apa sahaja. Tidak ada sebabnya kita tidak boleh berbuat demikian. Semangat Malaysia Boleh! itu perlu sentiasa semarak dalam diri kita," katanya.

Sidang media khas itu turut dihadiri oleh Pesuruhjaya Tinggi, Datuk Salleh Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Talaat Mansor dan Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara, Datuk Raja Ruslan Raja Samah.

Tambahnya, sebelum ini Malaysia sudah pun mempunyai wira yang berjaya mendaki puncak Everest (Mohandas dan Magendran), pelayar solo (Datuk Azhar Mansur) dan basikal mengelilingi dunia (Datuk Hassan Nawawi), maka kini giliran Abdul Malik untuk melakukannya.

"Kali pertama selat ini direnangi ialah pada tahun 1875 dan sejak 127 tahun, cuma 600 daripada 7,000 yang berjaya menyeberangi. Saya tahu betapa sukarnya berenang di selat itu dan saya percaya Abdul Malik mampu melakukannya," katanya.

Sementara itu menjawab soalan pemberita mengenai persiapan penyokong di kalangan rakyat Malaysia di sini, Hishammuddin memberitahu: "Saya telah menghubungi pejabat Pesuruhjaya Tinggi di sini dan pejabat kedutaan di Perancis untuk meminta mereka turun memberikan sokongan kepada perenang negara ini di Dover dan Calais."

Ditanya soal ganjaran yang bakal diperoleh oleh perenang itu, beliau menjawab: "Kita tidak mahu fikirkan sekarang. Tumpuan utama ialah memastikan Abdul Malik berjaya merentasi selat berkenaan. Kita tidak mahu rosakkan tumpuan beliau." – Utusan

usaha Malik